



Razali
menerima
memorandum
daripada
Aziamy
di Bangunan
Perdana Putra,
Putrajaya,
semalam.

[FOTO FARIZ
ISWADI ISMAIL/BH]

MPP UniSZA minta graduan undang-undang diiktiraf LPQB

Putrajaya: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), semalam, menyerahkan memorandum meminta graduan program Ijazah Sarjana Muda Kepujian Undang-Undang universiti itu, diiktiraf Lembaga Kelayakan Profesi Undang-Undang (LPQB).

Memorandum diserahkan oleh Presidennya, Aziamy Abdul Aziz, yang mengetuai tujuh perwakilan MPP universiti berkenaan dalam kunjungan ke pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim.

Pada sidang media kemudian,

Aziamy berkata, memorandum itu bertujuan mendapatkan kelulusan penuh segera LPQB untuk mengiktiraf graduan undang-undang UniSZA berikutnya masalah itu sudah berlanjutan lebih empat tahun.

"Tanpa pengiktirafan itu, ia merugikan graduan UniSZA kerana tidak layak menjadi peguam, hanya boleh bertindak sebagai penasihat undang-undang. Keadaan ini bukan saja membuatkan graduan tertekan kerana tidak dapat mencapai impian bergelar peguam, tetapi juga menjelaskan reputasi UniSZA," katanya.

Sementara itu, Razali berkata, beliau memandang serius isu berkenaan kerana membabitkan nama baik universiti awam dan masa depan graduan selain membantutkan kelayakan graduan universiti terbabit untuk menjadi peguam profesional.

"Saya akan mencari saluran tepat untuk menyelesaikan masalah ini dan langkah pertama adalah menulis surat penerimaan memorandum ini kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut. Kita akan cari punca masalah ini dan mengatasinya secepat mungkin," katanya.